



18 MAR, 2022

Graduan Masscomm UiTM kekal relevan

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Graduan Masscomm UiTM kekal relevan

Fadzillah Aishah Ismail

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam

Sedar tidak sedar, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) menyambut jubli emasnya pada tahun ini.

Selaku alumni FKPM atau lebih dikenali sebagai Masscomm, sejak dari peringkat matrikulasi, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana su-

dah pasti banyak menghimpun koleksi nostalgia manis dan pahit tersendiri.

Penulis pernah merasai pengalaman menghadiri kuliah di Kolej Meranti, Seksyen 2 Shah Alam, Level 13, Menara Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Malah penulis adalah sebahagian kumpulan pertama 'merasmikan' bangunan terkini FKPM. Justeru, sudah pasti fakulti berusia 50 tahun itu dekat di hati.

Alhamdulillah, tanggal 1 Mac 2021, penulis kembali semula ke fakulti keramat ini, bukan sebagai penuntut tetapi melangkahkan kaki seba-

gai pendidik bagi menyahut seruan UiTM supaya alumni kembali menyumbang kepada universiti dan sudah pasti di FKPM khususnya.

Bukan tidak sayang dengan profesion terdahulu, namun pada hemat penulis sudah sampai masanya segala pengalaman yang diperoleh dalam industri dikongsi bersama penuntut.

Sedikit sejarah mengenai FKPM, ia dahulunya dikenali sebagai Kajian Sebaran Am yang menjadi perintis kepada pendidikan komunikasi dan media sejak 1972. Justeru, graduan FKPM berada di mana sahaja dalam atmosfera industri media negara.

Penulis berani katakan, sebutlah mana-mana organisasi pasti akan ada alumni FKPM di sana, malah organisasi media juga majoritinya dipelopori oleh graduan fakulti yang sama.

Bukan mendabik dada riak, hakikatnya *resume* kejayaan fakulti keramat ini menghasilkan lebih 20,000 graduan sehingga kini yang memenuhi permintaan pasaran tempatan ma-

hupun antarabangsa.

Terkini, seiring dengan perkembangan teknologi, FKPM mencipta satu lagi sejarah dalam penggabungan ilmu bersama fakulti lain yang bertujuan memberi nilai tambah kepada fungsi FKPM sebagai kurator kandungan, sekali gus mampu menghasilkan graduan yang mampu membuat pelbagai tugas, kekal relevan dan mempunyai kebolehpasaran tinggi serta mesra industri.

Secara tidak langsung, penggabungan ilmu ini menyahut seruan Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk TS Dr Roziah Mohd Janor yang ingin melihat masa depan UiTM memfokuskan kepada teknologi rantaian blok dan pencirian daya raya.

Buat semua alumni Masscomm, usah bimbang dan khuatir. Datanglah apa sahaja perubahan, DNA masscomm tetap tersemat kukuh di hati setiap warga, pelajar dan alumninya.

Selamat menyambut ulang tahun ke-50 tahun masscomm.



18 MAR, 2022

Graduan Masscomm UiTM kekal relevan

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Sedar tidak sedar, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) menyambut jubli emasnya pada tahun ini. Selaku alumni FKPM atau lebih dikenali sebagai Masscomm, sejak dari peringkat matrikulasi, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana sudah pasti banyak menghimpun koleksi nostalgia manis dan pahit tersendiri. Penulis pernah merasai pengalaman menghadiri kuliah di Kolej Meranti, Seksyen 2 Shah Alam, Level 13, Menara Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.